



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-48 Jilid 5 (38)
Tarikh : 25 Julai 2024
Bersamaan : 19 Muharram 1446H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 12 TAHUN 2024


KADAR YURAN PINDAH KREDIT PROGRAM APEL.C UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penetapan kadar yuran pindah kredit bagi program APEL.C Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Program APEL.C adalah proses penilaian pembelajaran (tidak formal) dan bukan formal) seseorang individu berdasarkan pengalaman terkumpul (pengetahuan dan kemahiran) untuk mendapatkan pindah kredit bagi kursus dalam program yang sedang diikuti.



- 2.2 Melalui kaedah ini pelajar melalui saluran APEL.C akan mendapat manfaat dari segi:
- a. Mendapat pengiktirafan pembelajaran pelajar yang diperolehi daripada pengalaman kerja dan kursus-kursus pendek yang diikuti;
 - b. Mengurangkan pembelajaran berulang kepada pelajar;
 - c. Menggalakkan kemasukan pelajar dewasa ke program pendidikan tinggi; dan
 - d. Mengurangkan kos serta tempoh masa untuk pelajar menamatkan pengajian.
- 2.3 Penetapan kadar yuran pindah kredit APEL.C ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:
- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran (JKY) Kali ke-38 (Khas) Bil.2 Tahun 2024 pada 15 Mei 2024; dan
 - b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-66 (Bil. 3 Tahun 2024) pada 18 Julai 2024.

3. KADAR YURAN PINDAH KREDIT APEL.C

Kadar yuran pindah kredit APEL. C Universiti Malaysia Terengganu adalah seperti berikut:

Kategori Pelajar	Yuran Pindah Kredit APEL.C bagi Setiap Kursus yang Diluluskan
Warganegara	RM100/kredit
Bukan Warganegara	USD100/kredit

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 18 Julai 2024.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail